

Culik: Lelaki serah diri

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN

zulsham@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Seorang lelaki yang dicari polis bagi membantu siasatan kes penculikan seorang budak lelaki berusia tujuh tahun membatik bayaran wang tebusan RM1 juta di Petaling Jaya baru-baru ini tampil menyerah diri.

Lelaki itu, R. Paremvaran, 26, beralamat di Taman Hijau, Rawang datang ke Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya pada pukul 9.30 malam tadi sebelum ditahan.

Difahamkan Paremvaran datang menyerah diri selepas mengetahui dia dicari oleh polis.

Paremvaran mula dicari selepas polis menahan 16 suspek lain yang disyaki terlibat dalam kes penculikan kanak-kanak itu.

Dalam kejadian pukul 8.30 pagi, 10 April lalu, budak lelaki itu telah diculik di depan rumah banglo dua tingkat milik keluarganya di Petaling Jaya oleh empat lelaki.

Kejadian itu disaksikan ibu mangsa tetapi wanita itu terpaksa membiarkan kumpulan penjenayah itu melarikan anaknya selepas me-

reka mengancam untuk mencederakan mangsa.

Kanak-kanak itu telah dihantar pulang ke rumahnya empat hari selepas itu tanpa kecederaan selepas keluarganya membayar wang tebusan RM1 juta.

Pengarah Siasatan Nayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Bakri Mohd. Zinin berkata, selepas kejadian itu, polis bermula Selasa lalu menahan 13 orang suspek iaitu sembilan lelaki dan empat wanita yang kesemuanya berumur antara 19 hingga 70 tahun.

"Penahanan 13 suspek itu telah membawa polis kepada penemuan semula sebahagian wang tebusan RM319,700," kata beliau pada sidang media di Bukit Aman semalam.

Menurut beliau, susulan tangkapan itu, polis kelmarin menahan tiga lagi suspek yang juga disyaki terbabit dalam kes penculikan sama.

"Tiga suspek itu masing-masing ditahan di Bukit Fraser, Pahang, Juasseh, Negeri Sembilan dan Serdang, Selangor," katanya.

Suspek-suspek yang ditahan terdiri daripada suri rumah, penarik kereta dan pengawal keselamatan.



MOHD. BAKRI menunjukkan gambar Paremvaran di Bukit Aman, Kuala Lumpur semalam.